

19 APR 1996

DR MAHATHIR TIBA DI SARAJEVO

SARAJEVO, 19 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di Bosnia-Herzegovina petang ini (waktu Malaysia) untuk mengadakan perbincangan dengan pemimpin-pemimpin Bosnia mengenai pembinaan semula negara itu.

Dr Mahathir mengetuai delegasi 23 orang yang terdiri daripada pegawai-pegawai kerajaan dan pengerusi 14 syarikat utama dari Malaysia. Beliau juga akan pergi ke Livno, iaitu 200km dari sini untuk menemui pasukan tentera Malaysia yang sedang berkhidmat dengan Pasukan Pelaksana NATO (IFOR).

Beliau yang diiringi oleh isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, selepas sahaja tiba bertolak ke rumah rehat rasmi Konak untuk menghadiri upacara sambutan rasmi.

Semasa lawatan itu, beliau akan mengadakan pertemuan empat mata masing-masing dengan Presiden Alija Izetbegovic dan Perdana Menteri Hassan Muratovic.

Beliau dijangka menerima anugerah emas "Dragon of Bosnia" iaitu anugerah tertinggi negara itu di sebuah majlis yang akan diadakan di kediaman Presiden.

Selepas pertemuan dua hala itu, Dr Mahathir dijangka menyampaikan sumbangan sebanyak RM30 juta kepada kerajaan Bosnia. -- BERNAMA

MOK PR